

# Menangani isu hak, had kuota diesel

LKIM Sabah berdepan masalah pemahaman peruntukan, penyelewengan subsidi minyak

## Laporan Khas

Oleh Azrul Affandi Sobry

**H**AK atau had? Mana satu menjadi keutamaan dan kefahaman nelayan mengenai kuota subsidi minyak yang diberikan kepada mereka. Adakah mereka perlu menggunakan semua kuota yang ada kerana ia adalah hak atau berlaku jujur menggunakan apabila perlu saja?

Itulah senario apabila membicarakan berkenaan perkataan kuota. Satu perkataan yang berlainan individu akan berbeza juga cara pemahamannya. Malah, pemberi kemudahan juga yang pening.

Jika pada Januari lalu *Berita Harian* pernah menyiarkan laporan khas mengenai dilema yang dihadapi kerajaan lantaran penurunan jumlah pendaratan ikan sejak subsidi minyak diperkenalkan, kini akhbar ini menyelongkar masalah di Sabah untuk melihat sendiri apa senario sebenar pada peringkat pelaksanaan dan nelayan.

Hasilnya, kami merumuskan isu had dan hak menjadi antara kemelut yang dihadapi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengagihan subsidi minyak kepada nelayan menerusi kerjasama agensi tempatan.

Apa tidaknya, daripada hasil temu bual dengan beberapa nelayan di sana, jelas sekali kebanyakan mereka beranggapan kuota yang diberi adalah hak kepada mereka dan mesti dihabiskan setiap bulan, walaupun tidak ke laut.

Tidak ada seorangpun yang sedar kuota itu adalah had ditetapkan bagi menghalang pengambilan minyak subsidi melebihi apa yang sepatutnya mengikut keperluan sebenar. Namun, adakah nelayan memahaminya?

Sudahnya, ramai juga nelayan yang tidak ke laut pada hari tertentu termasuk musim perayaan, tetapi tetap mengambil minyak kerana kononnya itu hak mereka. Tak ada

minyak, mereka melenting kerana hak mereka tidak dipenuhi.

Pasti senario itu memeningkan LKIM kerana sangkanya kemudahan yang diberi akan mampu meringankan beban nelayan, namun akhirnya beban mereka pula bertambah kerana terpaksa pula melayan kerana sebabagian nelayan yang kurang faham maksud kuota.

Pening juga untuk memahami situasi pengurusan sektor perikanan di Sabah kerana rupa-rupanya masalah di sana lebih rumit berbanding Semenanjung. Lebih rumit apabila melihat perairan Sabah yang terbentang luas dengan sampan atau bot nelayan berselerak di sana-sini.

Jika di Semenanjung hanya ada Jabatan Perikanan, LKIM dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), di Sabah nyata berbeza apabila nelayan terpaksa berdepan birokrasi daripada banyak agensi lain termasuk Jabatan Laut Sabah, Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) dan syarikat swasta yang menjual minyak (di Semenanjung, semua urusan penjualan diuruskan PNK).

Malah, keadaan menjadi lebih berselirat apabila ia turut membabitkan kerjasama agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Contohnya, perancangan LKIM untuk membina kompleks di beberapa kawasan menghadapi kesukaran dengan enggan kerajaan negeri memberi tanah.

Keadaan itu menjadikan senario di sana seakan-akan seorang ayah meminta sehelai baju daripada anaknya. Anak tak beri, ayah terpaksa tidak berbaju di rumah anak sendiri. Jika nak juga baju yang sama, si ayah kenalah beli.

Sudahnya, penguatkuasaan dan pelaksanaan sistem sukar dijalankan dengan sempurna. Contohnya, jika LKIM berbangga dengan sistem e-Pendaratan yang khabarnya menjadi penyelesaian kepada masalah penyelewengan, bagaimana ia akan berhasil jika nelayan mendarat di merata-rata tempat.

Jika melihat kaedah sistem itu, nelayan sepatutnya mendarat di satu kawasan atau kompleks yang ditetapkan untuk memudahkan kakitangan di situ membuat semakan supaya terbukti nelayan itu benar-benar ke laut.

Masalahnya, ia tidak mungkin dapat dilaksanakan selagi nelayan terus bersepah mendarat di sana-sini, menggunakan resit tidak rasmi dan pengendali di jeti tetap mengeluarkan minyak subsidi, walaupun tiada bukti kukuh mereka ke laut pada hari sebelumnya.

Permasalahan itulah yang mendorong penyelewengan seterusnya menyebabkan pendaratan ikan semakin berkurangan dari tahun ke tahun sedangkan kerajaan terus pening kepala kerana peruntukan pemberian subsidi terus meningkat setiap tahun.

Mahu dibatalkan pemberian subsidi, banyak pula pihak yang akan menanggung bala pada kemudian hari. Harga ikan tentu melambung tinggi, lantaran nelayan mendakwa harga minyak terlalu mahal dan ia akan memberi kesan buruk pula kepada ekonomi negara.

Namun, sikap nelayan sendiri yang bagaikan diberi betis, paha turut dilapahnya menjadikan isu ini masih berterusan menemui jalan buntu. Apa yang pasti, ada pihak yang terus ketawa mengaut keuntungan dengan pemberian subsidi ini.

Justeru, ia bukan masa menuding jari menyalahkan sana sini. Tidak ada gunanya nelayan terus dipersalahkan kerana semua sedia maklum masih ramai nelayan yang berjuang untuk meneruskan kehidupan keluarga yang selesa.

Jangan pula disalahkan kerajaan kerana semua perlu setuju bahawa pemberian subsidi ini adalah hadiah paling besar daripada kerajaan untuk dinikmati rakyat terutama nelayan seterusnya menjanjikan kualiti hidup seimbang untuk semua masyarakat.

Pelaksana dasar juga tidak sewajarnya terus diberi tekanan kerana bagi mereka apa yang diarah, itu yang dilaksana. Cuma kadangkala pelaksanaan itu melalui rintangan disebabkan salah faham dan lompong di sana sini.

Semua pihak perlu duduk semeja dan mencari jalan segera menghuraikan kemelut di sebalik pemberian subsidi, penyelewengan dan kefahaman masyarakat nelayan. Jangan sampai nanti wang rakyat entah ke mana tapi hasil (ikan) tak nampak di mata.

### FAKTA

#### Jumlah nelayan yang menerima skim subsidi di Sabah

Daerah	Diesel	Petrol	Jumlah
Kudat	345	58	403
Marudu/Pitas	1	109	110
Kota Belud	3	224	227
Tuaran	86	86	172
Kota Kinabalu	456	126	582
Papar	1	214	215
Kuala Penyu	14	244	258
Teluk Padas	139	139	278
Beluran	15	70	86
Sandakan	911	480	1,391
Kunak	6	66	72
Lahad Datu	14	61	75
Semporna	341	247	588
Tawau	295	386	681
Labuan	263	149	412
Jumlah keseluruhan	2,890	2,659	5,549

Sumber: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sabah